

# Mahasiswa UMS timba pengalaman bersidang di DUN

UB 19.5.2016 A2

Oleh SITI AISYAH  
NARUDIN

KOTA KINABALU: Persidangan Parlimen Mahasiswa pendedahan terbaik untuk pelajar menimba pengalaman dan mempelajari sistem Dewan Undangan Negeri (DUN).

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Hepa) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, pelajar yang terlibat turut didedahkan dengan sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini.

Pada masa sama katanya, ia akan membentuk pembangunan jati diri pelajar yang lebih holistik dan menjadi modal insan bertaraf kelas pertama.

Beliau berkata demikian

kepada media sempena majlis Persidangan Parlimen Mahasiswa UMS Siri II Tahun 2016 disini kelmarin. Turut hadir, Timbalan Speaker DUN Datuk Johnson Tee.

"UMS amat bertuah kerana berpeluang mengadakan persidangan ini di DUN, tidak seperti Universiti Awam lain yang mengadakannya di kampus sendiri.

"Ia juga kali kedua Majlis Perwakilan Pelajar UMS (MPPUMS) mengadakan program ini di dalam DUN," jelasnya.

Sementara itu, Presiden MPPUMS Mohd Taufik Nordin berkata, antara usul yang dibangkitkan adalah cadangan supaya memasukkan persidangan parlimen mahasiswa dalam

perundungan universiti.

"Langkah ini akan menyediakan platform kepada pelajar untuk menyampaikan sebarang cadangan kepada universiti.

"Selain itu, persidangan parlimen UMS adalah penting untuk pembangunan universiti kerana ia boleh menghasilkan kecemerlangan dalam kalangan pelajar.

"Ia sekaligus mampu mencungkil bakat dan keupayaan para pelajar dan bermanfaat kepada mereka terutamanya selepas bergelar graduan," katanya.

Buat masa sekarang jelasnya, program berkenaan dijalankan mengikut prosedur biasa dan ia perlu ditambahbaik supaya boleh dikekalkan.



PERSIDANGAN Parlimen Mahasiswa UMS yang dijalankan di DUN.